



أونیورسیتی ملیسیا فیض السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

PERATURAN PERMAINAN BOLA JARING

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1** Pertandingan ini dijalankan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola Pertandingan dan mengikuti syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Undang-Undang Bola Jaring Antarabangsa (IFN) dan Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM).

2. PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1** Setiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih 12 orang pemain. Borang pendaftaran pasukan harus dikembalikan kepada pihak urusetia sebelum pertandingan pertama dimulakan.
- 2.2** Hanya pemain dan pegawai yang berdaftar dalam borang pendaftaran sahaja dibenarkan bermain dan berada dibangku simpanan dalam pertandingan ini.

3. MASA DAN FORMAT PERTANDINGAN

- 3.1** Masa permainan adalah 10 minit x 2 minit x 10 minit disepanjang kejohanan.

4. PAKAIAN

- 4.1** Setiap pasukan akan dibekalkan dengan bib yang berlainan warna
- 4.2** Pemain diwajibkan memakai pakai yang sekata atau sama bagi setiap pemain dan pemakaian Sports Skirt TANPA lapisan seluar panjang adalah **DILARANG** sama sekali.
- 4.3** Pemakaian barang kemas semasa bermain adalah **DILARANG**

5. CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

5.1 Kiraan mata (Liga) adalah seperti berikut :

5.1.1.1 Cara memberi mata : Menang	:	3 mata
Seri	:	1 mata
Kalah	:	0 mata

5.2 Pasukan yang mendapat mata terbanyak akan dikira sebagai pemenang

5.3 Jika ada pasukan yang mempunyai mata yang sama, pasukan yang mendapat perbezaan gol terbanyak akan dikira pemenang.

5.4 Jika masih seri, pasukan yang mendapat jaringan gol terbanyak dikira pemenang.

6. KELEWATAN

6.1 Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada urusetia. Masa selama 5 minit sahaja diberikan kepada pemain yang lewat dan selepas itu lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan jaringan 10-0.

7. PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

7.1 Pertandingan ini tidak boleh ditangguhkan atas permintaan mana-mana pasukan.

7.2 Jika sesuatu pertandingan tidak dapat dijalankan atau ditangguhkan separuh jalan kerana faktor keselamatan dan sebagainya yang difikirkan perlu oleh pengadil perlawanan, permainan akan disambung dengan kiraan mengikut jaringan sebelum perlawanan ditangguhkan sebelum itu.

8. PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan permaianan ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola dan keputusannya adalah **MUKTAMAD**.